

# MyBrain jaya impian

■ 9,010 penuntut sarjana, PhD ditawar pembiayaan biasiswa

Oleh Siti Aisyah Sukaimi  
sitiaisyah@hmetro.com.my  
**Putrajaya**

Seramai 9,010 penuntut terdiri daripada Sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) memenuhi kriteria ditetapkan ditawarkan pembiayaan biasiswa MyBrain15 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penuntut terbabit adalah mereka yang mengemukakan permohonan antara Ogos hingga November tahun lalu.

Menurutnya, dariputnya, daripada jumlah berkenaan, seramai 7,410 penerima adalah di bawah program MyMaster manakala, 1,600 lagi bagi program MyPhD.

"Pembentangan ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang menyasarkan pembiayaan biasiswa kepada 15,000 penuntut tajaan MyMaster dan 5,000 bagi MyPhD pada 28 Januari lalu.

"Bagi tujuan itu, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM300 juta tahun

**FAKTA**  
Kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM300 juta tahun ini



IDRIS beramah mesra dengan pelajar pada Majlis Penyampaian Tawaran Biasiswa MyBrain15.

ini, menjadikannya sasaran tertinggi dalam sejarah program MyBrain15," katanya pada sidang media Majlis Penyampaian Tawaran Biasiswa MyBrain15 di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau menyampaikan surat tawaran pembiayaan kepada lapan penerima yang berjaya terdiri daripada penuntut peringkat sarjana dan PhD dari Universiti Teknologi Mara

## Syukur dapat sambung pengajian

**Putrajaya:** "Alhamdulillah, ia rezeki untuk saya memandangkan sebelum ini terpaksa menolak tawaran pengajian ke United Kingdom (UK)," kata penuntut Universiti Malaya (UM) Mohd Azham Mohd Alwi, 30, yang juga pemegang biasiswa MyBrain15.

Menurutnya, dia sepatutnya menyambung pengajian dalam peringkat sarjana di sebuah universiti

di UK pada Ogos 2014, namun terpaksa menolaknya berikutan baru menjalani pembedahan jantung.

"Saya dirawat di hospital selama 49 hari dan hanya dibenarkan keluar pada September 2014 menyebabkan saya terpaksa mengambil keputusan menolak tawaran ke UK dalam bidang aeroangkasa.

"Kemudian, saya memo-

siti di UK pada Ogos 2014, namun terpaksa menolaknya berikutan baru menjalani pembedahan jantung.

hon biasiswa MyBrain15 dan bersyukur serta gembira apabila permohonan itu berjaya," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Tawaran Biasiswa MyBrain15 di sini, semalam.

Seramai lapan penerima menerima surat tawaran pembiayaan bagi MyMaster dan MyPhD disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

(UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Idris berkata, walaupun keadaan ekonomi mencabar pada masa ini, kerajaan meningkatkan jumlah penerima biasiswa pada tahun ini

menjadikannya penawaran tertinggi sejak 2011.

Dalam pada itu, beliau berkata, sehingga Disember tahun lalu, seramai 44,124 penuntut menerima penajaan di bawah program MyBrain15 sejak ia diperkenalkan.

"Daripada jumlah itu, se-

ramai 35,919 penuntut bagi program MyMaster manakala, 8,205 untuk program MyPhD dan MyPhD Industri.

"Tahun ini adalah kumpulan penuntut paling ramai yang diberi tawaran pembiayaan di bawah program MyBrain15," katanya.

www.yes.my

Promosi Hebat

11GB  
hanya RM88

yes 4G

Diterajui oleh YTL